



Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/01/25/0039 (17)
Tarikh : 31 Julai 2025

APEX Communications Sdn. Bhd.
Tingkat 12 - Menara Hap Seng,
Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan.
(u.p.: Encik Mohd Hafeez bin Mohd Thani)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB
INFRASTUKTUR GENTIAN OPTIK BERTAMPAHAN DENGAN
SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA
OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK &
KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN
KELULUSAN IZIN LALU AEA1112- SEKOLAH MENENGAH
KEBANGSAAN BATU SEPULUH**
**PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU (BAHAGIAN
KEJURUTERAAN)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak **Majlis Perbandaran Manjung** dengan syarat yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran caj perkhidmatan OSA sebanyak RM56,314.44 , seperti yang dimuatnaik dalam sistem KUDRAT (Sebut Harga: QT-06-0039/25).
ii.	Aras kabel / paip yang ditanam hendaklah sedalam tidak kurang satu (01) meter dari aras jalan raya;
iii.	Kerja pemuliharaan / pembaikan jalan dan bebahu jalan hendaklah mengikut piawaian Majlis dan mesti dilaksanakan dalam tempoh 5 hari selepas kerja-kerja korekan selesai;
iv.	Menurap keseluruhan jalan 'end to end' dengan ketebalan selepas pemadatan sebanyak 50mm (Rujuk Lampiran). Penurapan semula hendaklah menggunakan kaedah "mill and pave" untuk lebar satu meter kiri dan kanan kawasan korekan;
v.	Pentadbiran Majlis hendaklah dimaklumkan empat (04) hari lebih awal sebelum kerja - kerja dimulakan dan mestilah segala peralatan dan bahan diperlukan di tapak tersedia dan mencukupi;
vi.	Kerja-kerja hanya boleh dijalankan di bawah pengawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Manjung;
vii.	Kelulusan hanya sah dalam tempoh enam (06) bulan dari tarikh surat kelulusan ini. Mematuhi syarat - syarat dilampiran A, B, C, D dan E yang disertakan.





Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/01/25/0039 (17)
Tarikh : 31 Julai 2025

PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU AEA1112- SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU SEPULUH

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU

Bil.	Perkara
viii.	Kadar bayaran bagi Caj Fi Proses kerja pengorekan jalan dalam bentuk wang tunai/ cek/ deraf bank sebanyak RM3,900.00 perlu dijelaskan (resit bayaran perlu ambil di Jabatan sebelum pembayaran dilaksanakan)
ix.	Manakala Caj Bayaran Cagaran Permit dalam bentuk wang tunai/ cek /jaminan bank sebanyak RM10,000.00 dan hanya akan dikembalikan selepas tamat tempoh kecacatan selama enam (06) bulan dari tarikh siap kerja. (kerja hanya boleh dijalankan selepas bayaran dilaksanakan di Mailis Perbandaran Manjung dan permit dikeluarkan)(resit bayaran perlu ambil di Jabatan sebelum pembayaran dilaksanakan); dan
x.	Apabila kerja telah siap disempurnakan sila maklumkan kepada pihak Majlis secara bertulis.

3. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans “**Contractor’s All Risk**” yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam, serta menanggung rugi (indemnity) di mana **tempoh sah lakunya bermula dari Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / “Defected Liability Period” (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*), Yang DiPertua Majlis Perbandaran Manjung serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Manjung.

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **Fatin Syahirah Binti Ramli** di talian **018-4011704** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima. Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)
Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
OSA/31072025/Wan/Fatin





Ruj. Kami : KUDR/KACP/A/01/25/0039 (17)

Tarikh : 31 Julai 2025

PROJEK / KERJA : PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU (AEE1032 – SEKOLAH MENENGAH RAJA SHAHRIMAN)

PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU

salinan kepada:

- 1. Majlis Perbandaran Manjung**
Jalan Pinang Raja,
32040 Seri Manjung,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p: Bahagian Kejuruteraan)

